



DR. MAHATHIR MOHAMAD dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Ismail Bakar (kanan) dan Abu Kassim Mohamed. - BERNAMA

Kamera badan tangani salah laku

Oleh YULPISMAN ASLI

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 19 SEPT.

KERAJAAN akan melaksanakan penggunaan kamera badan pada pegawai penguat kuasa seperti polis, kastam dan imigresen bagi menangani salah laku.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelaksanaan itu penting berikutan terdapat dakwaan pegawai penguat kuasa memukul individu yang berurusan dengan mereka.

Beliau berkata, pendekatan itu sebahagian daripada keputusan yang dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Kali ke-10, bagi memperkasa kecekapan dan ketelusan pasukan penguat kuasa.

Cadangan lain, katanya, termasuk mewujudkan pusat kawalan setempat; pemantauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) di pintu masuk dan penjara; menambah mesin pengimbas berteknologi kecerdasan buatan (AI) serta Alat Bantuan Operasi (ABO).

"Penggunaan kamera badan membolehkan setiap perbuatan dan percakapan mereka dirakamkan, sekali gus mengelak salah laku seperti dakwaan memukul pelanggan (orang yang berurusan dengan pihak berkuasa).

"Penggunaan kamera badan

"Penggunaan kamera badan membolehkan setiap perbuatan dan percakapan mereka dirakamkan, sekali gus mengelak salah laku seperti dakwaan memukul pelanggan (orang yang berurusan dengan pihak berkuasa).

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

bagaimanapun hanya akan dilaksanakan selepas kerajaan mempunyai sumber kewangan yang cukup," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat JK-KMAR Kali Ke-10 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar dan Ketua Pengerah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Perdana Menteri menjelaskan, usaha memperkasa dan meningkatkan ketelusan pegawai penguat kuasa penting kerana negara mengalami kebocoran hasil di pintu keluar masuk antara RM3 bilion hingga RM5

bilion setahun akibat masalah integriti pegawai dan kekurangan peralatan teknologi terkini.

Usaha itu juga katanya, selaras dengan janji kerajaan untuk menjadikan pasukan penguat kuasa dan keselamatan khususnya Pasukan Polos Diraja Malaysia (PDRM) pasukan yang dihormati dan disegani.

Dalam itu, beliau berkata, kerajaan akan melaksanakan pergerakan kakitangan awam ke tempat lebih penting dalam usaha memenuhi keperluan agensi-agensi penguat kuasa seperti kastam, polis dan imigresen yang memerlukan tambahan anggota berikutan kedatangan semakin ramai pelancong dan kemasukan warga asing ke Malaysia.

Jelasnya, kerajaan ketika ini tidak dapat membuat pengambilan baharu kerana jumlah kakitangan awam yang ada sekarang sebanyak 1.7 juta sudah terlalu banyak, selain kekangan kewangan.

"Kita akan memberi keutamaan (pergerakan perjawatan awam dan tambahan peralatan) kepada (agensi-agensi) yang penting," katanya.

Mengenai Belanjawan 2020, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan bahawa Malaysia sebuah negara yang berintegriti tinggi dan pengurusan governans yang baik terus dilaksanakan melalui inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP).